

# DEKOTAMAN

EDITOR BERSEKUTU (RENCANA): HUSAIN JAHIT

TEL : 1-300-22-6787 SAMB: 4791

FAKS : 03-20567083/7084



## NEGARA TAMAN TERINDAH 2020

>2, 3, 4&5

10 PEREK  
DALAMAN  
POPULAR

>8



ORKID  
MUDAH  
DIJAGA

>9

SABTU  
BEST!

■ MALAYSIA NEGARA TAMAN TERINDAH MENJELANG 2020

# PEMBANGUNAN DIIMBANGI KEHIJAUAN

**Keindahan dan keselesaan perlu digabung supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya**

**FOKUS**

Hartini Mohd Nawi  
hartini@hmetro.com.my

**Perancangan** menzhirkan Malaysia sebagai negara taman terindah menjelang 2020 antara mesej bermakna kepada masyarakat mengenai peri pentingnya meningkatkan kualiti kehidupan berdasarkan seni bina landskap khususnya warga kota.

Dalam usaha menjayakan perancangan itu, profesi arkitek landskap dilihat memainkan peranan penting dalam memastikan hasrat itu terlaksana dengan jayanya.

Selepas 35 tahun, arkitek landskap juga antara yang berjuang memastikan setiap pembangunan dapat diimbangi dengan peruntukan kehijauan setimpal dan berkualiti, untuk kita serta generasi akan datang.

Menurut Presiden Institut



Oleh itu, melihat kesinambungan Malaysia negara taman terindah menjelang 2020, landskap di sekitar kita perlu ada kelebihan tersendiri

**DR OSMAN**



REKA bentuk elemen landskap menambahkan kelainan saat bersantai.

**RIADAH**  
di taman yang sarat dengan keindahan semula jadi tentunya lebih memberikan makna.



**IDEA**  
penyelesaian landskap bandar yang menarik.



Arkitek Landskap Malaysia (ILAM) Prof Madya Dr Osman Mohd Tahir, setiap arkitek landskap juga akan mengenal pasti, menganalisis dan menyelesaikan masalah melalui teknik reka bentuk berdasarkan pengetahuan berkenaan fungsi, karakter 'estetik' sesuatu bahan, pengorganisasian elemen luaran, ruang persekitaran serta aktiviti setempat.

"Seorang arkitek landskap berdaftar pula biasanya menawarkan perundingan berkenaan perkhidmatan kesenibinaan merangkumi pelbagai aspek.

"Ia bermula dengan penyediaan pelan dan laporan perancangan landskap termasuk pelan induk landskap.

"Malah turut menjalankan khidmat penilaian dan kajian landskap dari visual, pentaksiran pokok hingga karakter landskap.

Begitu juga dengan penyediaan pelan pengurusan dan penyelenggaraan landskap semuanya tersenarai dalam khidmat arkitek landskap," katanya.

Memperkatakan berkenaan sambutan Hari Landskap Negara dan Bu-

lan Senibina Landskap Sedunia tahun ini juga dilihat lebih bermakna apabila semua pihak peka dengan kepentingan persekitaran berkualiti.

"Hari Landskap Negara biasanya disambut setiap 3 Mac, sementara di peringkat antarabangsa pula ialah Bulan Seni bina Landskap Sedunia yang diraikan setiap April.

"Oleh itu, melihat kesinambungan Malaysia negara taman terindah menjelang 2020, landskap di sekitar kita perlu ada kelebihan tersendiri.

"Landscape adalah terjemahan semua sudut yakni untuk pendidikan, komuniti, memupuk kekeluargaan, kesinambungan bandar, riadah dan persahabatan," katanya yang juga Dekan Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu.

Selari dengan kelebihan itu, ia meletakkan kita sebagai masyarakat yang terus berbangga kerana dapat menikmati kehidupan lebih selesa dengan persekitaran hijau.

Dalam konteks yang lebih luas, keindahan dan keselesaan itu perlu digabungkan supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Selain itu ia disesuaikan dengan persekitaran dunia yang tidak menentu dengan perubahan iklim mendadak dan pemanasan global semakin ketara.

Sekali gus memberi peluang kepada masyarakat untuk menikmati dan mengecapi kualiti kehidupan dengan mengimbangi pembangunan dengan pemeliharaan alam semula jadi.

Setiap tahun juga, ILAM menganjurkan Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA) sebagai mengiktiraf semua yang terabit dalam dunia seni bina landskap sama ada dalam atau luar negara.

Menariknya anugerah itu menerima penyertaan pelbagai pihak termasuk arkitek landskap profesional, kerajaan dan pihak berkuasa tempatan, pemaju harta tanah, kontraktor landskap, penyelidik dan pelajar seni bina landskap di peringkat pengajian tinggi.

"ILAM juga berbangga kerana MLAA itu turut diiktiraf Persekutuan Antarabangsa Arkitek Landskap (IFLA)," katanya yang mengakui MLAA sudah masuki tahun kesembilan pengjurannya.

"Sambutan tahun ini dilihat sangat menggalakkan dengan menyenaraikan 145 penyertaan dan perkembangan positif itu membuktikan meningkatnya kesedaran kepentingan seni bina landskap untuk persekitaran dan kehidupan," katanya yang memaklumkan MLAA bakal diadakan April ini.



**PEMBANGUNAN**  
diselaraskan dengan  
seni bina landskap.



**KEINDAHAN**  
dan keselesaan  
perlu  
digabungkan.

### INFO

Hari Landskap Negara mula disambut pada tahun 1998 dan tarikh 3 Mac dipilih bagi sambutan ini sempena pelancaran Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara pada 3 Mac 1997.



**MENGIMBANGI** pembangunan dengan pemeliharaan alam semula jadi.



**PEMBANGUNAN**  
kini tidak  
mengabaikan  
landskap  
di sekitarnya.

